

Newspaper	Berita Harian
Date	20 October 2015

4 langkah perkukuh MKN

BH - 20/10/2015

» **Pertingkat kecekapan menyelaras dasar, strategi keselamatan negara: PM**

Oleh Nazura Ngah, Haika Khazi, Sophia Ahmad dan Ahmad Suhaef Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan akan melaksanakan empat langkah transformasi bagi memperkukuhkan fungsi dan peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN), termasuk membentangkan Rang Undang-Undang MKN pada sidang Parlimen, kali ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu adalah bagi memperkukuhkan MKN sebagai agensi barisan hadapan yang lebih cekap dan berkesan dalam menyelaras dasar serta strategi keselamatan negara.

"Arahan-Arahan dan Peraturan-Peraturan Tetap Operasi (SOP) MKN akan disemak semula bagi memastikannya masih relevan dan boleh digunakan pakai sesuai dengan persekitaran semasa.

"Pengukuhan mekanisme pengurusan keselamatan di peringkat negeri juga akan terus dilaksanakan menerusi aktiviti yang mampu mewujudkan kesiapsiagaan secara menyeluruh pada peringkat akar umbi dan nasional," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (BN - Kota Tinggi) di Dewan Rak-



Najib meninggalkan Bangunan Parlimen selepas sidang Parlimen, semalam. [FOTO AFP]

yat, semalam.

Najib berkata, kerajaan memberi perhatian serius bagi menangani ancaman yang berubah mengikut perubahan persekitaran geopolitik dan mewujudkan ancaman dari pelaku bukan negara dan pegganas ekstremis.

Transformasi MKN

Katanya, pengurusan MKN juga akan ditransformasikan melalui penempatan pegawai yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan tinggi dalam menganalisis serta mengurus keselamatan negara bagi meningkatkan keupayaan modal insan.

"Pengukuhan organisasi MKN adalah bagi membolehkan agensi ini menjadi pakar rujuk oleh Kementerian dan agensi berkaitan dengan ancaman keselamatan negara serta pendekatan dalam me-

ngurus ancaman.

"Langkah mentransformasikan MKN diharap dapat dilaksanakan dengan sokongan padu yang tidak berbelah-bahagi oleh semua pihak bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan dipertahankan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Idris Ahmad (PAS-Bukit Gantang), Najib berkata pada masa ini Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri ditadbir pembangkang tidak akan dilantik sebagai Pengerusi MKN negeri masing-masing kerana soal keselamatan negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Namun, kita menggalakkan ketua agensi negeri memberi maklumat kepada ketua kerajaan bagi negeri yang tidak di bawah kerajaan Barisan Nasional supaya mereka tahu (situasi semasa) dan boleh me-

mainkan peranan dalam aspek keselamatan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Noor Ehsanuddin mengenai ancaman jenayah rentas sempadan, termasuk perdagangan manusia dan siber, Najib berkata, kerajaan menerusi Kementerian dan agensi berkaitan serius menangani isu itu termasuk meningkatkan kemampuan segala sumber yang ada bagi menangkis pelbagai bentuk ancaman.

"Dalam sumbangan keselamatan serantau, kerajaan melakukan pelbagai bentuk dan kaedah. Antaranya menjadi fasilitator dalam mengurus isu keselamatan di Selatan Filipina dengan membantu kedamaian di kawasan itu," katanya.

► **Laporan penuh Dewan Rakyat - MUKA 8,9**